

## PELAN STRATEGIK PENGUPAYAAN PERANAN INSTITUSI MASJID SEBAGAI PUSAT TUMPUAN KOMUNITI

STRATEGIC PLAN IN EMPOWERING THE ROLE OF MOSQUE AS A FOCAL POINT  
FOR THE COMMUNITY

\*<sup>i</sup>Mariam Abd. Majid, <sup>ii</sup>Nurulbahiah Awang, <sup>iii</sup>Zulkefli Hj Aini, <sup>iv</sup>Hajar Opir

<sup>i</sup>Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Malaysia

<sup>ii</sup>Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial, Universiti Tenaga Nasional, Malaysia

<sup>iii</sup>Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan  
Malaysia, Malaysia

<sup>iv</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: \*mariam@kuis.edu.my

### ABSTRAK

Masjid merupakan tempat pertemuan dalam sesebuah komuniti. Peranan institusi masjid boleh diperkasakan menerusi kepelbagaian aktiviti dan program untuk komuniti setempat. Artikel ini bertujuan mengemukakan pelan strategik mengupayakan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan pakai reka bentuk pembangunan yang dilaksanakan menerusi dua daripada tiga fasa dalam kajian pembangunan iaitu analisis keperluan dan pembentukan pelan. Dapatkan kajian menghasilkan tujuh (7) pelan strategik dalam pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti.

**Kata kunci:** Pelan Strategi, Pengupayaan Peranan, Institusi Masjid, Pusat Tumpuan Komuniti.

### ABSTRACT

Mosque is a gathering centre among communities. The role of mosque institutions can be strengthened through a variety of activities and programs for the local community. This article aims to present a strategic plan to enable the role of the mosque institution as a community stop centre. This study is in the form of development design implemented through two phases namely the needs analysis and formation phase. The findings of the study resulted in seven (7) strategic plans in empowering the role of mosque institutions as community stop centre.

**Keywords:** Strategic Plan, Role Empowerment, Mosque Institution, Community Stop Centre.

### PENDAHULUAN

Institusi masjid pada zaman Rasullullah SAW. berperanan sebagai tempat pelaksanaan ibadah solat, mesyuarat, aduan masyarakat dan aktiviti perniagaan (Ibn Hisham. 1995).

Rasulullah s.a.w meletakkan keutamaan pembinaan masjid sebagai salah satu langkah strategik dalam pembangunan masyarakat dan negara (al-Buti, 1988). Menurut Mohd Ridhuwan et. al. (2019), institusi masjid menjadi teras utama dalam melahirkan komuniti berakhhlak mulia, beramal soleh, rukun tetangga yang harmoni dengan pengamalan nilai-nilai keislaman.

Masjid adalah institusi pendidikan yang paling hampir dengan masyarakat. Ini menjadikan institusi masjid sangat sesuai sebagai platform untuk menyalurkan bimbingan secara langsung kepada anggota masyarakat (Adel M. Abdulaziz et.al, 2008). Keperluan usaha pengimaranan masjid ini dilihat semakin serius ekoran fenomena masyarakat hari ini yang berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan akidah, syariat, akhlak, politik, kekeluargaan, penghayatan Islam, sosial dan media. Program-progam pendidikan dan bimbingan terhadap anggota masyarakat sama ada secara formal atau tidak formal perlukan pemerkasaan. Ini sebagai persediaan bagi anggota masyarakat dalam mendepani segala cabaran yang berlaku.

Seiring menzahirkan fungsinya, institusi masjid berperanan membangunkan masyarakat era kontemporari melalui usaha pemerkasaan peranan masjid sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keislaman, menyusun struktur kerja masjid serta imam yang ideal, pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat (ICT), pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak, nadi ekonomi dalam masyarakat setempat, pusat penginapan pelancong Islam dan mesra terhadap orang kelainan upaya (OKU) serta mualaf dan orang bukan Islam. Masjid berperanan secara menyeluruh dalam masyarakat sebagai pusat ibadah, pusat penyebaran ilmu dan maklumat, pusat pentadbiran, pusat pembangunan sosio-ekonomi serta aktiviti yang melibatkan komuniti dan masyarakat (Solahudin et. al., 2019).

Masjid berperanan sebagai medan yang bersifat terbuka dalam pelaksanaan aktiviti dan program dalam komuniti. Ini bermakna program-program dan aktiviti institusi masjid tidak dibataskan untuk program kebiasaan masjid seperti pengajian ilmu harian, program-program tetap seperti majlis meraikan hari-hari kebesaran Islam sahaja (Norita Kamaruddin & Ahmad Fahmi Mohammad, 2019). Menurut Jamilia Mohd Marsin et al, (2019), program dan aktiviti masjid perlu dirancang dan dilaksanakan secara lebih bersifat terbuka seperti mengadakan aktiviti sosial untuk golongan kanak-kanak, remaja, wanita (Siti Rokyah Md Zain et.al, 2019) dan dewasa.

Aspek sosial berkaitan isu-isu kekeluargaan adalah antara perkara penting untuk ditangani dalam masyarakat pada masa kini. Menurut Sulaiman Shakib (2012), para pegawai masjid yang utama iaitu imam, berperanan membantu masyarakat dari segi memberikan nasihat yang melibatkan hal ehwal kekeluargaan. Ini kerana seseorang imam yang dilantik mempunyai latar

belakang agama yang khusus dari segi kelayakan pendidikan dan akademik serta nilai tambah yang lain di samping ketrampilan tertentu. Namun, dalam pengoperasian dan pengurusan masjid, pentadbir atau ahli jawatankuasa selalunya terperangkap dalam ruang lingkup fungsi institusi itu secara tradisi. Masjid kebiasaannya dilihat sebagai platform ibadah, kerohanian dan sedikit aspek kemasyarakatan.

Artikel ini bertujuan mengemukakan suatu pelan strategik bagi mengupayakan diversiti peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti menerusi pelbagai program dan aktiviti.

### **Diversiti Peranan Institusi Masjid**

Pelbagai bentuk program dan aktiviti yang dilaksanakan berupaya melonjak peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. Masjid adalah institusi penting bagi pendidikan komuniti. Institusi masjid hari ini berperanan sebagai pusat keilmuan bagi pengunjung dan pencinta ilmu mendalam pengajian seperti fekah, tawhid, al-Quran, hadis dan bahasa Arab secara pengajian berkitab, seminar dan diskusi ilmiah (Nor Azlina et.al., 2016) mencakupi ilmu naqliyyah dan ‘aqliyyah (Farah Illyani et.al., 2015). Kedua-dua ilmu ini diajar menggunakan pendekatan integrasi atau kesepadan ilmu yang disesuaikan dengan penerimaan pendengar (Farah Illyani, Mohd Adre & Khadijah 2015; Nor Azlina et.al., 2016). Pengendalian kelas pengajian yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar yang berkelayakan mengikut bidang dan kompeten menyampaikan ilmu (Rosni Wazir et al 2016; Mohd Norzi et al 2016; Mohd Amru & Najah Nadiah 2017; Normaisarah 2018; Mateo 2019), bahan pengajaran sama ada yang utama seperti buku teks dan sekunder seperti nota ringkas yang diambil daripada teks (Rosni Wazir et al 2016; Mohd Norzi et al 2016), mata pelajaran yang disesuaikan dengan keperluan masyarakat dan tahap pemikiran mereka (Mohd Azrin 2016; Rosni Wazir et al 2016; Mohd Norzi et al 2016; Md Noor Husin, Ahmad Redzauddin & Mohammad Rofian 2014; Wahyu Hidayat, Mohd Marzuqi & Ab Hadi 2018), kaedah dan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan tahap pemikiran pendengar (Rosni Wazir et al 2016; Sharifah Norshah et al 2018; Abd Hadi et al 2018) serta kemudahan pembelajaran yang selesa sama ada di dalam dewan utama solat atau bilik kuliah yang dilengkapkan dengan peralatan seperti komputer, projektor LCD dan kemudahan telekomunikasi bagi tujuan rakaman (Md Noor, Ahmad Redzaudin & Mohammad Rofian 2014).

Kegiatan menyemarakkan budaya ilmu seperti penerokaan ilmu dan maklumat, diskusi dan penyelidikan dilakukan di masjid bagi membina daya keintelektualan, memperkuatkan kerohanian serta menyemarakkan semangat kemasyarakatan dalam kalangan pencinta ilmu (Normaisarah, 2018). Perlaksanaan institusi masjid sebagai pusat pembudayaan ilmu boleh

direalisasi dengan menyediakan ruangan khas untuk menempatkan perpustakaan mesra pengguna (NorAzzah, 2012). Masjid sebagai pusat budaya ilmu perlu dilihat dalam konteks mempunyai elemen mesra pengunjung dalam kalangan lelaki, wanita, warga emas, kanak-kanak dan remaja, dari segi kemudahan mengikut jantina dan kelompok strata masyarakat (Siti Rokyah et al. 2017; Ezad Azaraai et al 2010) manakala dalam aspek pemerolehan dan penerokaan ilmu pengetahuan harus meliputi topik pengajian ilmu bagi golongan kumpulan tertentu seperti golongan wanita memerlukan ilmu fiqh wanita, ayat-ayat al-Quran tentang wanita dan fiqh prabaligh (Jamilia et al. 2017). Menurut Nor Azzah (2012), perpustakaan di masjid mesti menepati aspek-aspek koleksi bacaan yang mengambil kira kelompok pengunjung masjid dalam pelbagai disiplin ilmu, mesin pencetak, kemudahan komputer dan capaian internet melalui sistem wifi, kakitangan bertugas yang mempunyai asas pengurusan buku dan maklumat serta komitmen pengurus, pentadbir serta ahli jawatankuasa masjid.

Satu perkara yang perlu diambil perhatian adalah berkaitan peranan institusi masjid sebagai pusat sumber maklumat meliputi sasaran golongan bukan Islam. Menurut Khairudin Aljunied (2018) masjid boleh berperanan sebagai pusat harmoni sebagai medan perkongsian maklumat tentang Islam dan tamadun Islam kepada orang bukan Islam di tempat khas seperti bilik seminar masjid. Usaha ini dapat memberi kefahaman berkaitan Islam kepada golongan bukan Islam (Mariam & Norlia, 2017). Program yang boleh dijalankan bagi segmen golongan bukan Islam seperti penerangan lisan dan dialog antara agama yang melibatkan agama agama utama dan sarjana agama masing-masing (Mariam & Marlon 2016). Elemen keilmuan tentang Islam dan tamadun Islam boleh dijadikan selingan dalam program kemasyarakatan yang dianjurkan di masjid seperti program sambutan Hari Raya dan hari terbuka masjid. Menurut Syarul Azman et al (2018), program-program keilmuan dan laungan azan di masjid tidak mengundang persepsi dan maklum balas negatif daripada orang bukan Islam. Ini membolehkan masjid berperanan sebagai pusat budaya ilmu dalam konteks mesra golongan bukan Islam untuk mereka mendapatkan pengetahuan tentang Islam dan tamadun Islam.

Terdapat juga pelancong bukan Islam yang berkunjung ke masjid untuk melihat keindahan seni reka bentuknya serta melihat tatacara ritual umat Islam. Fenomena ini membuka ruang golongan bukan Islam untuk mendekati Islam. Masjid boleh diperkasa untuk berperanan sebagai pusat tumpuan komuniti (PTK) merangkumi golongan bukan Islam. Usaha dakwah dalam kalangan bukan Islam memerlukan kaedah dan strategi yang berbeza. Ini kerana ianya berhadapan dengan cabaran pegangan agama yang sedang dianut sejak sekian lama dan persaingan pelbagai gerakan agama lain yang turut membawa

kepercayaan baru selain agama Islam (Mariam & Norlia, 2017). Namun, usaha dakwah kepada orang bukan Islam menjadi tanggungjawab dan kewajipan untuk dilaksanakan oleh setiap individu Muslim (Ab. Aziz Mohd Zin et. al, 2008). Rasulullah SAW melakukan usaha dakwah terhadap semua golongan masyarakat melalui peranan institusi masjid.

Masjid juga boleh menjadi salah satu alternatif pusat pendidikan keluarga menerusi program ilmudan aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu, anak-anak dapat dididik untuk mencintai agama dengan menjadikan masjid sebagai tempat tumpuan. Masjid dilihat menjadi platform berwibawa dalam mendepani isu dan permasalahan masyarakat yang rencam serta pengaruh media sosial yang semakin kompleks. Institusi masjid sesuai dijadikan pusat rujukan bagi menangani masalah kehidupan dan tekanan hidup masyarakat dengan mewujudkan khidmat kaunseling di masjid dan melantik kaunselor bertauliah sama ada dalam kalangan ahli jawatankuasa masjid atau orang luar (Saleh, 2010). Pelbagai masalah sosial yang berlaku seperti keruntuhan akhlak remaja, krisis rumah tangga, tekanan jiwa, kemurungan, gejala bunuh diri, dapat diatasi dengan penuh bijaksana (Norazlina et. al, 2016). Selain itu, khidmat kebajikan kepada masyarakat yang menghadapi masalah kewangan atau bencana adalah inisiatif yang sangat baik. Usaha ini menyumbang dalam menyerlahkan visibiliti masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat malahan menjadi satu pendekatan dakwah yang rahmah jika bantuan tersebut diberikan kepada masyarakat bukan Islam. Sinergi antara pihak masjid dan masyarakat setempat dapat melahirkan jalinan kerjasama strategik bagi menyelesaikan isu masyarakat yang berlaku (Aziz, 2019).

Peranan masjid perlu mengambil kira pelbagai kategori sasaran agar program-program yang dilaksanakan bersifat realistik dan relevan dengan kehendak mereka. Pendekatan program dalam konteks remaja, tentulah berbeza kerana mereka gemar aktiviti yang berbentuk kegiatan luar (outdoor), lasak, mencabar dan santai antaranya berkhemah, sukan, sukaneka, seni pertahanan diri, memanah, futsal dan merentas hutan (jungle tracking) (Nazreen et. al, 2014). Skop dan ruang lingkup masjid adalah luas sebagai tempat penyatuan ummah (Mohd Yahya et. al, 2015). Institusi masjid boleh menjana ekonomi melalui aktiviti keusahawan yang produktif untuk kelangsungan pendapatan jangka panjang (Ahmad Fauzi dan Yusuf Marlon, 2016). Antara aktiviti keusahawanan yang boleh dilaksanakan adalah menyediakan ruang atau tempat khas bagi pungutan zakat, wakaf dan sedekah. Sekiranya masjid mempunyai ruang tanah yang besar dan luas, ia boleh membuka ruang bagi penggembilingan aktiviti ekonomi dan sosial (Nuryaqazah et. al, 2019). Pembukaan koperasi atau kedai yang memasarkan produk muslim adalah antara langkah strategik bagi mewujudkan budaya usahawan dalam kalangan ahli kariah dan secara tidak langsung

memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat di samping menjana pendapatan masjid.

Masjid adalah tumpuan para musafir dan pelancong untuk menunaikan ibadah. Institusi masjid boleh menawarkan kemudahan penginapan kepada para musafir dan pelancong dengan penyediaan rumah tumpang (homestay). Ini mampu menjana ekonomi masjid di samping membantu mereka dengan kos yang minimum serta dapat memakmurkan masjid (Ahmad Fauzi dan Muhammad Yusuf, 2016). Antara contoh rumah musafir (homestay) yang sudah diwujudkan adalah di Masjid Sultanah Bahiyah dan Masjid Osmaniah Perlis (Noor Fiteri, 2013).

Peranan masjid perlu diberi nafas baharu terutama dalam perkembangan masyarakat era kontemporari. Latar belakang pengurus masjid termasuk ahli jawatankuasa dari segi pendidikan dan akademik serta pengalaman pekerjaan menentukan hala tuju dalam perancangan strategik terhadap Pembangunan masjid (Huzaifah et. al., 2017). Ini disokong oleh Mohd Ridhuwan et.al (2019) berkenaan pengimaranan sesebuah masjid bergantung sepenuhnya kepada individu-individu yang menerajui kepimpinan institusi masjid.

Selain itu, aspek reka bentuk pembinaan masjid hendaklah mengambil kira kesesuaian dan kemudahan pengunjung untuk melaksanakan ibadah dalam kalangan kanak-kanak, remaja, belia, dewasa, wanita, warga emas dan golongan kelainan upaya Mohamad Sofuan, 2019). Pembinaan masjid juga turut perlu mengambil kira sebarang kemungkinan implikasi perubahan iklim pada hari ini seperti kepanasan melampau, hujan, banjir, kemarau dan ribut (Mastor Surat et. al, 2011). Perubahan iklim merujuk kepada perubahan signifikan statistik dalam purata keadaan iklim ataupun kepelbagaianya, untuk jangka masa yang panjang (biasanya dekad atau lebih). Perubahan iklim berlaku mungkin kerana proses semulajadi dalaman bumi, pendorong luaran, ataupun perubahan antropogenik terus menerus dalam komposisi atmosfera dan penggunaan tanah. Perubahan Iklim ditakrif sebagai perubahan iklim yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti manusia yang mengubah komposisi atmosfera global dan merupakan tambahan terhadap kepelbagaian iklim semulajadi untuk tempoh masa yang dapat dibandingkan (Jabatan Meteorologi Malaysia, 2020).

Inisiatif dan usaha proaktif yang mampu menangani ancaman perubahan iklim boleh dilakukan seperti menanam pokok, penyediaan ruang tumpangan mangsa banjir, laluan pengunjung ketika hujan, laluan longkang yang boleh menampung limpahan air hujan yang lebat adalah antara pelaksanaan yang perlu dilakukan (Sinar Harian, 2020). Beberapa persediaan diperlukan bagi memastikan institusi masjid dapat berperanan sebagai pusat tumpuan komuniti, antaranya aspek pengurusan kewangan. Kewangan dan dana masjid di

Malaysia diperolehi daripada dua sumber utama iaitu dana atau geran daripada kerajaan negeri atau pihak Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan sumbangan umum diperolehi daripada infaq, derma wakaf orang perseorangan atau syarikat korporat. Namun keadaan kewangan antara satu masjid dengan masjid yang lain adalah berbeza disebabkan pelbagai faktor. Menurut Mohd Rushdan et. al, (2016), kebanyakan masjid mempunyai sumber kewangan yang baik terutama aliran tunai dan aset. Kajian Mohamed Azam et. al, (2013) ke atas 250 buah masjid di seluruh Malaysia mendapati 52.2% masjid memperolehi pendapatan melebihi RM2,000.00 sebulan atau RM24,000.00 setahun. Ini diperkuuhkan melalui kajian Ahmad Raflis et, al (2015) yang menyatakan masjid di luar bandar meraih purata pendapatan bulanan sebanyak RM31,580.00, kawasan kampung RM31,600.00, kawasan bandar RM38,000.00 dan bandar baharu RM60,000.00. Selain itu, wujud juga isu berkaitan kewangan masjid, antaranya kurang menggunakan dana masjid secara berkesan dan cenderung menyimpan dana masjid di bank. Sebaliknya terdapat juga masjid yang tidak mempunyai dana yang stabil dan terpaksa bergantung dengan geran yang diberikan oleh pihak Majlis Agama Islam (Mohd Rushdan et.al, 2016). Senario kepelbagaian isu yang timbul berkaitan kewangan masjid ini menunjukkan kepentingan kewangan masjid untuk diurus dengan baik. Pihak masjid perlu membuat penyata pendapatan sebagai rekod kepada semua ahli pengurusan masjid (Hyzulkifli et. al, 2015).

Kejayaan pengurusan masjid tidak hanya bergantung kepada aspek sistem yang diwujudkan dengan perisian (*software*) yang hebat dan sistematik tetapi juga memerlukan tenaga modal insan yang kompeten. Kedua-dua aspek ini jika disinergikan secara optimum bakal menghasilkan natijah yang cemerlang. Kelancaran pengurusan institusi masjid memerlukan sumber tenaga dalam kalangan ahli jawatankuasa masjid yang berkemahiran dan mencukupi berdasarkan saiz sesebuah masjid (Mohamed Azam et. al, 2013). Pihak pentadbir masjid mesti efisyen, berilmu dan cekap (Rushdan et. al, 2016), mempunyai perwatakan yang prihatin, berlapang dada dan mesra pelanggan (Aziz, 2019).

## METODOLOGI

Bagi mengimplementasikan pembentukan pelan ini, pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan (Design & Developmental and Research) digunakan. Pendekatan Design & Developmental and Research (DDR) dilaksana berdasarkan kepada Richey & Klein (2007) yang merangkumi proses sangat teratur dan bersistematik meliputi tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta penilaian sesuatu produk yang

dihasilkan. Proses pembentukan Pelan Strategik Pengupayaan Fungsi Masjid Sebagai Pusat Setempat ini dilaksanakan penglibatan dua daripada tiga fasa reka bentuk kajian pembangunan ini iaitu fasa analisis keperluan menerusi perbincangan kumpulan fokus (*focussed group discussion*) serta fasa reka bentuk dan pembangunan pelan menerusi perbincangan meja bulat (*round table discussion*) pakar seperti perincian berikut;

- a) Fasa Perbincangan Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion*) dilakukan bersama wakil badan bukan kerajaan (NGO) Islam serta ahli akademik bertujuan membuat tinjauan sebagai asas dalam menentukan keperluan dan matlamat pembentukan pelan. Fasa ini penting dan pandangan kumpulan dijadikan asas terhadap pembentukan pelan. Hasil tinjauan mendapati keperluan dan spesifikasi pembentukan pelan adalah strategi pengupayaan fungsi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti (Mohd Ridhuan & Nurul, 2020).
- b) Fasa Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion*) adalah fasa pembentukan pelan yang dilaksanakan. Ia melibatkan seramai 10 orang ahli akademik dengan pelbagai latar belakang bidang pengajian Islam iaitu metodologi dakwah, dakwah mualaf, komunikasi dakwah, pengurusan masjid, maqasid syariah, wanita dan syariah serta 5 orang pakar rujuk yang dilantik bagi memantapkan pembentukan pelan ini iaitu Prof Dato' Dr Abd Halim bin Tamuri, Dr. Mohd Farid Ravi Bin Abdullah, Prof Madya Dr Nik Salida, Dato' Dr Haji Anhar bin Opir dan Prof Emeritus Tan Sri Dr Mohd Kamal Bin Hassan. Menurut Ghazali & Sufean (2018), fasa ini memerlukan pemilihan pakar berasaskan kepakaran dalam konteks kajian. Bilangan pakar adalah mencukupi, merujuk kepada Van de Ven & Delbecq (1971) berkaitan jumlah bilangan cadangan pakar iaitu seramai 5 hingga 9 orang.

### **DAPATAN KAJIAN**

Hasil kajian ini mengemukakan sebanyak tujuh (7) strategi dan tiga puluh (30) aktiviti dalam pelan strategik pengupayaan peranan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti seperti berikut:

<b>Strategi 1</b>	<b>Aktiviti</b>
1. Memberi kesedaran dan cadangan kepada pentadbir &	1. Membuat perbincangan menerusi bengkel/ seminar/wacana bersama pihak pentadbir & AJK masjid dan Jabatan Agama Islam Negeri .

AJK masjid, Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam tentang peranan Masjid PTK.	
<b>Strategi 2</b>	<b>Aktiviti</b>
2. Mewujudkan pengajian ilmu yang holistic.	<p>1. Mewujudkan pengajian ilmu bermodul/berkitab.</p> <p>2. Melaksanakan kelas tuisyen akademik.</p> <p>3. Melaksanakan kelas untuk mualaf.</p> <p>4. Melaksanakan kelas untuk Wanita.</p> <p>5. Melaksanakan kelas pengajian Al-Qur'an.</p> <p>6. Melaksanakan kelas untuk OKU / Warga Emas.</p> <p>7. Melaksanakan kelas untuk kanak-kanak dan remaja.</p>
<b>Strategi 3</b>	<b>Aktiviti</b>
3. Mengurus dana masjid secara efektif.	<p>1. Mengadakan perbincangan dengan pihak masjid bagi menguruskan dana untuk tujuan aktiviti Masjid sebagai PTK.</p> <p>2. Membantu menyalurkan maklumat berkaitan peranan masjid sebagai PTK.</p>
<b>Strategi 4</b>	<b>Aktiviti</b>
4. Mempelbagaiikan aktiviti masjid.	<p>1. Menganjurkan kursus-kursus kepimpinan.</p> <p>2. Menganjurkan acara sukan yang sesuai.</p> <p>3. Menganjurkan program pameran &amp; pemeriksaan kesihatan.</p> <p>4. Menganjurkan kursus-kursus keusahawanan.</p> <p>5. Menganjurkan kursus-kursus</p>

	<p>pendidikan Masyarakat.</p> <p>6. Menganjurkan kursus-kursus sumber dan teknologi maklumat (ICT).</p> <p>7. Mewujudkan rumah penginapan (hotel).</p> <p>8. Menganjurkan program pelancongan masjid.</p> <p>9. Menganjurkan kursus-kursus pengurusan kewangan.</p> <p>10. Menggiatkan aktiviti ekonomi masjid.</p>
--	---

Strategi 5	Aktiviti
5. Membangun dan mengupayakan dakwah orang bukan Islam dan Mualaf.	<p>1. Menjadikan masjid sebagai pusat pengetahuan islam dan mualaf melalui program jelajah masjid.</p> <p>2. Menganjur program kenali islam berasaskan Rahmatan Lil Alamin.</p> <p>3. Mewujudkan kelas-kelas pengajian agama kepada mualaf dan orang bukan Islam yang berminat.</p> <p>4. Mewujudkan Unit kebajikan orang bukan Islam dan mualaf di masjid.</p>

Strategi 6	Aktiviti
6. Menyediakan prasarana dan infrastruktur yang mesra pengunjung.	<p>1. Membuat perbincangan menerusi bengkel/seminar/wacana bersama pihak pentadbir masjid dan Jabatan Agama Islam Negeri.</p> <p>2. Mengemukakan panduan dalam penyediaan prasarana dan infrastruktur yang mesra OKU, warga emas, wanita, kanak-kanak, remaja dan musafir.</p> <p>3. Mewujudkan persekitaran hijau.</p> <p>4. Mewujudkan rumah perlindungan sementara bagi golongan yang memerlukan (Muslim &amp; Orang Bukan Islam).</p>

Strategi 7	Aktiviti
7. Membina masjid dengan infrastruktur yang sesuai dengan darurat iklim.	1. Mengumpulkan dana bagi pembinaan masjid.

## PERBINCANGAN

Hasil kajian mengemukakan tujuh (7) strategi dan tiga puluh (30) aktiviti bagi mengupayakan peranan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. Pelan yang dikemukakan ini menghampiri kajian Nor Azlina et.al (2016) yang mengemukakan carta alir pemerkasaan peranan masjid di Malaysia. Menurut Paimuzi (2017), masjid adalah institusi yang paling dekat dengan hati umat Islam dan peranan serta fungsi masjid sebagai pusat sehenti perlu diperkasakan. Kesedaran dan kesediaan pentadbir serta ahli jawatankuasa masjid menjadi salah satu aspek penting dalam pelan pengupayaan peranan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. Menurut kajian Mohd Ridhuwan et.al (2019), kepimpinan masjid perlu memiliki daya pemikiran yang membangun dalam usaha menghidupkan suasana masjid yang kondusif dan praktikal melalui pembangunan minda.

Usaha mengekalkan peranan institusi masjid sebagai platform bagi penyaluran ilmu pengetahuan dalam kalangan komuniti adalah keutamaan yang tidak boleh dikesampingkan. Menurut Nor Azlina et. al (2016), penggunaan ICT dalam pengajaran di masjid ini sudah pastinya dapat menarik minat masyarakat Islam kini terutamanya golongan remaja untuk menghadiri kelas pengajian yang dilaksanakan. Sehubungan itu, pembinaan pusat teknologi maklumat (ICT) di masjid dilihat sebagai satu anjakan paradigma dalam medan dakwah terutamanya dalam memperkasakan peranan masjid.

Kajian Mohd Rushdan et.al (2016) mencadangkan usaha mempelbagaikan program dan aktiviti institusi masjid menerusi usaha memanfaatkan dana untuk aktiviti perniagaan, mewujudkan program penandaarasan dan memperbanyakkan aktiviti pengisian yang bukan sahaja bersifat ritual tetapi mampu menjana pendapatan tambahan kepada institusi masjid. Aktiviti-aktiviti ini boleh dianjurkan di luar kawasan masjid supaya orang bukan Islam boleh dijemput bersama.

Strategi dan kepelbagaian aktiviti yang menarik penting untuk dilaksanakan bagi

memastikan kelangsungan institusi masjid sebagai tempat tumpuan komuniti. Ini kerana sasaran dakwah dalam komuniti setempat terdiri daripada segmen yang berbeza dan bervariasi. Golongan remaja lebih berminat untuk ke masjid sekiranya terdapat faktor penarik dan sesuai dengan kehendak serta citarasa mereka. Menurut kajian Muhammad Imran (2020), program yang bersifat semasa dan terkini sesuai dengan usia dan keperluan remaja dan belia sangat penting serta ini dapat diusahakan melalui peranan masjid. Antara aktiviti lain adalah berbentuk latihan, disiplin dan khidmat masyarakat seperti menyusun kasut dan selipar, melipat sejadah dan lain-lain lagi (Ahmad Fakhruzzai, 2010).

Membangun dan mengupayakan dakwah kepada orang bukan Islam dan mualaf adalah antara strategi yang diketengahkan dalam pelan ini. Tumpuan terhadap golongan mualaf sangat penting diberi perhatian kerana sebahagian besar golongan ini menghadapi cabaran antaranya dipulaukan oleh keluarga, hilang sumber kewangan, dianggap telah mengkhianati asal-usul, keturunan, budaya, warisan dan agama nenek moyang mereka kerana memeluk Islam (Mariam & Norlia, 2017). Selain fokus pemerkasaan strategi dakwah dalam kalangan mualaf, pelan ini turut mengusulkan keprihatian dalam usaha dakwah terhadap golongan bukan Islam. Kajian Ab Aziz (2008) berkaitan persepsi golongan bukan Islam terhadap laungan suara, bacaan dan aktiviti masjid mendapati majoriti masyarakat bukan Islam, iaitu 92.57 peratus, menyatakan mereka tidak berminat dengan aktiviti masjid manakala seramai 11 orang atau 3.71% menyatakan berminat. Sebahagian kecil golongan bukan Islam yang berminat menjelaskan justifikasi mereka disebabkan sikap positif orang Islam dan bacaan didengari dari masjid yang menenangkan. Ini bermakna perlu ada beberapa aktiviti yang bersesuaian dengan golongan bukan Islam yang boleh dilaksanakan untuk mendekatkan golongan bukan Islam dengan aktiviti masjid seperti program Senaman Tai Chi, sambutan Hari Raya ‘Idil Fitri, perarakan Maulidur Rasul, sumbangan wang hari raya, gerobok rezeki dan lain-lain.

Penyediaan prasarana dan infrastruktur yang mesra pengunjung turut menjadi satu daripada cadangan pelan strategik ini. Bagi merealisasikan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti, usaha menjadikan masjid sebagai institusi contoh dari semua aspek meliputi reka bentuk dan infrastruktur adalah perlu. Menurut Ahmad Fakhruzzai (2010), pihak masjid hendaklah menyediakan ruang yang mesra wanita seperti ruang wuduk yang bertutup, tandas yang kondusif dan berdekatan dengan ruang solat dan kemudahan pakaian solat wakaf bagi kegunaan musafir. Di samping itu, kelas memasak, menjahit dan penubuhan skuad Serikandi untuk menyantuni ibu tunggal dan golongan wanita bermasalah boleh dilaksanakan. Masjid al-Salam Puchong Perdana memiliki reka bentuk dan permandangan

cantik serta lokasi yang menarik selari dengan visi masjid sebagai pusat ibadah, penyebaran dakwah, perkembangan ilmu dan budaya Islam terkemuka. Masjid Raja Haji Fi Sabilillah di Cyberjaya, Sepang, Selangor pula menjadi masjid pertama di Malaysia menerima sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI) dengan penarafan platinum. (MyMetro, 14 Julai 2017).

Pelan strategik ini turut mengemukakan pembinaan institusi masjid yang dilengkapi dengan infrastruktur sesuai dengan darurat iklim. Darurat iklim berlaku ekoran perubahan iklim dunia masa kini (Dasar Perubahan Iklim Negara, 2019). Berdasarkan kenyataan ini, pelan strategik bagi mengupayakan peranan masjid sebagai pusat tumpuan komuniti perlu mengambil kira persediaan menghadapi darurat iklim ekoran perubahan iklim global yang berlaku.

Pelaksanaan strategi dan aktiviti yang dikemukakan dalam pembentukan pelan ini dijangka mampu mengupayakan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti.

Usaha mewujudkan jawatankuasa khas di peringkat masjid dan komuniti serta jalinan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam, kementerian berkaitan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain pihak yang berkepentingan penting untuk merealisasikan pelan strategik ini.

## KESIMPULAN

Masjid berperanan sebagai institusi penting dalam pembangunan komuniti. Peranan masjid sebagai Pusat Tumpuan Komuniti dapat direalisasi dengan perancangan yang strategik menerusi diversiti program dan aktiviti dengan keperluan realiti komuniti setempat selaras dengan tujuan pensyariatan. Usaha ini memerlukan komitmen dan kreativiti pihak pengurusan institusi masjid serta jalinan kerjasama semua pihak.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zin, Faisal Ahmad Shah, Mariam Abd Majid & Mohd Makhi b. Adnan. (2008). *Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara Bacaan dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan*, Jurnal Usuluddin, 27. 109-119.
- Adel M. Abdulaziz, Ahmad Kamel Mohamed & Nidzamuddin Zakaria. (2008). “*Kepentingan Dan Peranan Masjid Dari Sudut Pendidikan Dalam Masyarakat Islam*”. *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Johor: UTM Press.
- Ahmad Fakhrurrazi, M. Z. (2010). *Singgulan Awal Terhadap Isu-Isu Masjid Sebagai One Stop Community Centre. Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid* (SKPPBM2010) pada 18-19hb Februari 2010 di Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor. 97.
- Ahmad Fauzi, M. S., & Muhammad Yusuf, M. A. (2016). *Strategi Pembangunan Ekonomi*

- Masjid As-Salam Sebagai Wasilah Dakwah Kontemporari. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah pada 10 May 2016 di Hotel Grand Blue Wave Shah Alam.* 75-87.
- Abd Hadi Borham, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Wahyu Hidayat Abdullah, Abdul Ghafar Hj. Don & Nurfatin Afiqah Halidi. (2018). Bentuk Komunikasi Pengajaran Dalam Pengajian Takmir Di Institusi Masjid: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal al-Hikmah*. 10(2), 17-34.
- Ahmad Raflis, C.O., Mohd Yahya M. H. & Fidlizan M. (2015). “*Social Entrepreneurship Practices Among Mosques In Selangor.*” Konvensyen Kebangsaan Keusahawanan Islam di Institut Latihan Islam Malaysia pada 17-19 November 2015. 64.
- Aziz Haji Mohamad. (2019). Konsep Rahmah dalam Pengurusan Masjid. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Al-Buti, Muhammad Sa`id Ramadan.(1988). *Fiqh Al-Sirah 1*, Mohd Darus Sanawi (terj.), c.3. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Ibn Hisham. (1995). *Sirah al-Nabawiyyah li Ibn Hisham*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Ezad Azraai Jamsari, Siti Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar & Zamri Arifin. (2010). *Peranan dan Sumbangan Institusi Masjid dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah Sembawang*. *Journal of Islam and Arabic Studies*. 2(2), 31-44.
- Farah Ilyani binti Zakaria, Mohd Aderi bin Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2015). Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid (PPBM): Ke Arah Memperkasakan Pendidikan Berasaskan Tauhid. *Journal of Islamic and Arabic Education* 7(1), 10-22.
- Ghazali & Sufean. (2018). *Metodologi Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Huzaifah Sulong, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Noor. (2017). Hubungan Antara Latarbelakang Pentadbir Masjid, Pengurusan Kewangan dan Keaktifan Aktiviti Masjid: Kajian di Hulu Terengganu, Terengganu. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) 12, 979 – 990.
- Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari & Raja Nafida Raja Shahminan. (2017). Ke Arah Membangunkan Masjid Mesra Remaja. e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017). 4th & 5th December 2017, Bangi, Selangor, Malaysia. 65-78.
- Khairudin Aljunied. (2018). *Not Just a House to Honour God*: Mosques in the Malay World as Cosmopolitan Spaces. *GJAT*. 8(1), 43-55.
- Mahyuddin Hashim, Adnan Mohamed Yusof, Nurul Asiah Fasehah Muhammad, Noornajihan Ja’afar & Norakyairee Mohd. Raus. (2018). Konsep Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli Dan Perbandingannya Dengan Islamisasi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 2 (Special Issue), 11-23.
- Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng. (2016). Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia. *Jurnal Hadhari*. 8 (1), 31-48.
- Muhammad Imran Ibrahim, Mohd Nizam Sahad & Suhaila Abdullah Imran. (2020). Pembangunan Remaja Masjid Masa Kini: Satu Tinjauandi Masjid Daerah Kinta, Perak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 3(3). 168-

183.

- Mastor Surat, Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, A.R. Musa, Nangkula Utaberta, M.M. Tahir. (2011). *Salah Tanggap Terhadap Kubah Pada Seni Bina Masjid : Pengaruh Pengisian Sejarah Dalam Hasrat Rekabentuk Masjid*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Norzi bin Nasir, Mohd Khafidz bin Soroni, Rosni binti Wazir, Muhammad Fairuz A. Adi & Nor Asyikin binti Hasan Adali. (2016). Kitab-Kitab Hadis Dalam Pengajian Di Masjid-masjid Selangor: Kajian Tinjauan. E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith. 25th April 2016, Federal Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia. Organized by Hadith Research Institute (Institut Kajian Hadith-INHAD). Diakses pada 28 Dis 2020. <http://conference.kuis.edu.my/imam2016/eproceeding/1013-imam-2016.pdf>
- Md Noor Hussin, Ahmad Redzaudin Ghazali & Mohammad Rofian Ismail. (2014). Masjid dan Pengajian Bahasa Arab: Kajian di Gombak Selangor. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014). 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, Malaysia. 189-194.
- Mohd Azrin Johari. (2016). Pengajian Hadis Di Masjid Dan Surau: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Hadis. *Jurnal Hadhari* 8 (2), 295-308.
- Mohd Amru bin Isa & Najah Nadiah Amran. (2017). Pengajian Hadith di Masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat*. 5(1), 14-20.
- Mohamad Sofuan Mohamad Saleh. (2019). Pengimaranan Masjid : Masjid Mesra Ummah - Isu dan Cabaran. Kertas kerja dibentangkan dalam International Conference On Mosque, Zakat And Waqf Management pada 30th October 2020, Bangi. 297-305.
- Mateo, Marivi Pérez. (201. The Mosque as an Educational Space: Muslim Women And Religious Authority in 21st-Century Spain. *Religions*.10 (222), 1-12. Diakses melalui doi:10.3390/rel10030222 pada 2 November 2020.
- Mohd Ridhuwan, Muhd Najib, Fadlan & Siti Azimah. (2019). Prinsip Al Imarah Dalam Kalangan AJK Masjid Kearah Mengimarahkan Institusi Masjid. *Jurnal al-Turath* 4(2). 28-36.
- Mohd Rushdan Yasoa', Mohd Safwan Ghazali, Mohd Afifie Mohd Alwi, Azira Hanani Ab Rahman, Siti Salwani Abdullah, Ahmad Ridhuwan Abdullah, Mohd Ismail & Mohd Rafi Yaacob. (2016). Pengurusan Dana Pusat Ibadah: Kajian Eksplorasi Kes Beberapa Masjid di Kelantan. *Journal of Education and Social Science*. 5. 155-165.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid & Norajila Che Man. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal*. 5(2), 219-229.
- Nor Azzah binti Momin. (2012). Mengimarahkan Perpustakaan Masjid. Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012 pada 27 dan 28 Mac 2012, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor. Diakses pada 28 Dis 2020 <http://ddms.usim.edu.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/5833/MENGIMARAHKAN%20PERPUSTAKAA%20MASJID.pdf?sequence=1&isAllowed=>
- Normaisarah Othman. (2018). Budaya Ilmu Dalam Kalangan Pendakwah Di Bandar Baru Bangi. *Disertasi Sarjana Pengajian Islam UKM*. Mohd Yahya, M. H., Fidlizan, M., Mohamad, H., Azila, A. R., & Nurul Fadly, H. (2015). Aplikasi Teknologi Sistem

- Perakaunan Untuk Penjanaan Ekonomi Masjid. *Journal of Society and Space* 11(2). Diakses daripada: <http://www.reseachgate.net/publication/274568847>.
- Mohamed Azam Mohamed Adil, Zuraidah Mohd-Sanusi, Noor Azaliah Jaafar, Mohammad Mahyuddin Khalid & Asmah Abd Aziz. (2013). Financial Management Practices of Mosques in Malaysia, *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)*, 3(1). 23-29.
- Muhammad, F., Mohd Yahya, M.H., Azila A.R., and Fatimah Salwa, A.H. (2014). Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Idea Penjanaan Dana Masjid: Kajian di Perak. *Sains Humanika* 2 (1). 101-106.
- Noryaqazah Muhammad Dom, Hanis Rosli, Nur Haziqah Wan Ahmad dan Wan Nor Suhaida Wan Mamat. (2019). Aktiviti Pemuliharaan dan Pemakmurkan Masjid dan Surau Lama di Kuala Terengganu. International Conference on Islamic Civilization and Technology Management, 23-24 November 2019 di Paya Bunga Hotel Terengganu.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid & Norajila Che Man. (2016). Pemerksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*. 5(2). 219-229. Diakses pada 28 Dis 2020. <http://journale-academiauitmt.edu.my/>
- Noor Fiteri, A. (2013). Masjid Mengendalikan Penginapan: Pilihan Alternatif Kepada Industri Pelancongan. Terengganu International Tourisme Conference. Diakses daripada [https://www.academia.edu/4376912/Masjid\\_Mengendalikan\\_Penginapan\\_Pilihan\\_Alternatif\\_Kepada\\_Industri\\_Pelancongan](https://www.academia.edu/4376912/Masjid_Mengendalikan_Penginapan_Pilihan_Alternatif_Kepada_Industri_Pelancongan).
- Mariam Abd. Majid & Norlia Abd. Karim. (2017). Strategi Pemasaran Dalam Dakwah Terhadap Golongan Non Muslim. *Wacana Dakwah & Usuluddin Kontemporari*. KUIS : Fakulti Pengajian Peradaban Islam. 97-109.
- Norita Kamaruddin & Ahmad Fahmi Mohammad. (2019). Pengurusan dan Pengimaranan Masjid: Kefahaman Dan Tuntutannya. International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019). 1-12. Diakses pada 28 Dis 2020. [http://conference.kuis.edu.my/imaf/images/eproceedings/2019/001\\_imaf2019\\_norita.pdf](http://conference.kuis.edu.my/imaf/images/eproceedings/2019/001_imaf2019_norita.pdf)
- Paimuzi Yahya. (2017). Pengimaranan Masjid Di Malaysia: Prestasi Dan Peranan Kepimpinan. Kertas Kerja Konvensyen Imarah Masjid Serantau anjuran Bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bank Islam dan Surau Wakaf Ahmad Dawje Dadabhoy pada 4 Mei 2017 di Grand Ballroom Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.
- Richey R. & Klein, J. (2007). Design and Development Research: Methods, Strategies and Issues. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Rosni Wazir, Mohd Khafidz bin Soroni, Mohd Norzi bin Nasir, Mohd Fairuz bin A.Adi & Nor Asyikin binti Hasan Adali. (2016). Kelangsungan Pengajian Kitab Hadith Di Masjid-Masjid Negeri Selangor. E-Proceeding of the 1st INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016. 25th April 2016, Federal Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia. Organized by Hadith Research Institute (Institut Kajian Hadith INHAD). 1-14.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin & Nik Azeah Nik Azman. (2018). Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran: Kajian Di Masjid UniSZA. *Jurnal Hadhari* 10 (1) 93-10.
- Siti Rokyah Md Zain, Ros Norita Abd Samad, Mohamed Munee Samsudin & Wan Anuar Wan Mamat. (2017). Prasarana Masjid Mesra Wanita Islam: Satu Tinjauan. e-

- Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017). 4th & 5th December 2017, Bangi, Selangor, Malaysia. 266-274.
- Solahudin Abd Hamid, Mohd Nizho Abd Samad, Mohamed Muneer Samsudin & Wan Anuar Wan Mamat. (2019). *Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Satu Tinjauan*. Dungun : UiTM.
- Saleh, A. (2010). Masjid Dan Kaunselor Dalam Pembentukan Generasi Muslim. Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Masjid, 115.
- Syarul Azman Shaharuddin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Sahlawati Abu Bakar, Noor Amani Mohamed Hussin, Normazlina Ismail, Nursabila Ramli, Nurhazyyah Nural Anuar, Ahmad Faqih Ibrahim & Siti Khaulah Mohd Hamzah. (2018) Penerimaan Masyarakat Non Muslim Terhadap Aktiviti Dakwah. Prosiding Konvensyen Serantau Pengajian Islam Peringkat Antarabangsa Siri Ke-4 (Regional Convention On Islamic Studies) RCIS 2018: 274-285. diakses melalui file:///C:/Users/ASUS/Downloads/PROSIDINGRCIS2018-pages-284-295.pdf pada 5 Nov 2020.
- Solahuddin Abdul Hamid, Mohd. Nizho Abdul Rahman, Solahuddin Ismail & Mohd Sobhi Ishak. (2019). Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Masjid-Masjid Terbaik. e-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management. (IMAF-2019) 30th October 2019, Bangi, Selangor, Malaysia. Organized by: Masjid Al-Azhar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Sulaiman Shakib Bin Mohd Noor. (2012). Model Khidmat Nasihat Keluarga Islam Di Institusi Masjid. Tesis Doktor Falsafah Universiti Teknologi Malaysia. Diakses melalui <http://eprints.utm.my/id/eprint/31406/1/> SulaimanShakibPFP2012.pdf pada 5 November 2020.
- Ven den Akker J., Gravemeijer K., McKenney S. & Nievee N. (2006). *Educational Research Design*. New York : Routledge.
- Wahyu Hidayat Abdulllah, Mohd Marzuqi Abdul Rahim & Abd Hadi Borham. (2018). Amalan Penggunaan Metode Syarah Al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Di Institusi Masjid Di Daerah Muallim Negeri Perak. *Sains Humanika*. 10(3-4), 1-70.
- Abd Ghani & Nor Salimah Abu Mansor. (2006). *Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali*. Johor:Universiti Teknologi Malaya.

## **Wikipedia**

- Masjid ‘hijau’ pertama di Malaysia. [rencana@hmetro.com.my](mailto:rencana@hmetro.com.my). Diakses melalui pautan <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/07/244702/> masjid-hijau-pertama-di-malaysia pada 3hb November 2020.
- Jabatan Meteorologi Malaysia. 2020. Di akses pada 24 Dis 2020. <https://www.met.gov.my/pendidikan/iklim/perubahaniklim>.
- Sinar Harian. 2020. Dunia Berdepan Ancaman Perubahan Iklim dan Pemanasan Global Serius. Di Akses pada 26 Dis 2020. [https://www.tnb.com.my/assets/newsclip/l\\_Sinar\\_-\\_Dunia\\_berdepan\\_ancaman\\_perubahan\\_iklim\\_dan\\_pemanasan\\_global\\_serius.pdf](https://www.tnb.com.my/assets/newsclip/l_Sinar_-_Dunia_berdepan_ancaman_perubahan_iklim_dan_pemanasan_global_serius.pdf).